

1,717 dibenarkan pulang

» **Banjir**
di beberapa
kawasan
mula surut

Oleh **Hardi Effendi Yaacob**
bhnews@bharian.com.my

✦ **Kuala Lumpur**

Jumlah mangsa dipindahkan di Selangor, Johor, Perak dan Melaka dilaporkan berkurangan semalam berikutan keadaan banjir yang semakin pulih.

Berbanding kelmarin, seramai 1,952 mangsa masih ditempatkan di pusat penempatan sementara selepas 1,717 mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing berikutan banjir mulai surut di beberapa kawasan terjejas.

Sehingga jam 8 malam tadi, 13 pusat pemindahan masih beroperasi, enam di Batu Pahat, masing-masing satu di Ledang (Muar), Jasin dan Hilir Perak serta empat (Kuala Langat).

Portal Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) melaporkan Selangor mencatatkan jumlah mangsa teramai masih ditempatkan di pusat pemindahan iaitu 990 orang, diikuti Johor (767), Perak (134) dan



Razak Ryhan bersama anaknya, Fakrul Rain **menyelamatkan barangan rumah apabila dilanda banjir kilat** di Jalan Permatang Utama, Johor Bahru, semalam.

[FOTO ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN/BH]

FAKTA NOMBOR

13 pusat

pemindahan masih beroperasi, enam di Batu Pahat, masing-masing satu di Ledang (Muar), Jasin dan Hilir Perak serta empat (Kuala Langat)

Melaka (61).

“Di Selangor, tiga lokasi iaitu Jalan Kebun, Bukit Changgang dan Kampung Semarang, masing-masing di Kuala Langat dan Sepang masih ditenggelami banjir, malah empat pusat pemindahan masih beroperasi bagi memberi bantuan kepada mangsa,” katanya.

Di **Batu Pahat**, enam kawasan masih ditenggelami banjir termasuk Kampung Tongkang Pechah, Kampung Baru Sri Gading, Kampung Ja-

wa, Kampung Parit Abd Rahman, Kampung Parit Yusof Darat dan Kampung Parit Betong.

Ambil langkah berjaga-jaga

“Batu Pahat adalah kawasan paling teruk terjejas dalam banjir kali ini, selain Ledang, Muar membabitkan Kampung Sialang, Tangkak. Tujuh pusat pemindahan masih beroperasi di negeri terbabit sebagai langkah berjaga-jaga,” katanya.

Katanya, walaupun banjir di empat negeri berkenaan semakin pulih dalam tempoh 48 jam lalu, langkah berjaga-jaga

masih diambil berikutan ramalan hujan lebat sehingga hujung minggu ini.

“Orang ramai, terutama penduduk di kawasan berisiko diingatkan sentiasa peka terhadap perkembangan banjir dan segera berpindah apabila diarahkan pihak berkuasa bagi mengelak sebarang risiko,” katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Sepang, Datuk Seri Mohd Zin Mohamed, mahu kerajaan PKR Selangor memastikan tidak ada lagi kerja perlombongan pasir di tepi sungai sepanjang musim hujan ini.